No Fail : KK/BKP(S)10/669/676Jld.3sk.2

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 9 TAHUN 2011

Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
Jabatan Perdana Menteri (JPM)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PROJEK PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN PROJEK INFRASTRUKTUR ASAS

Tujuan

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memperkemaskan garis panduan pelaksanaan Program Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) yang dibiayai melalui Peruntukan Khas Kementerian Kewangan dan dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Latar Belakang

2. Selaras dengan Program Transformasi Luar Bandar yang akan menjadi pelengkap program transformasi menyeluruh negara, Kerajaan akan sentiasa memberikan perhatian yang khusus terhadap kerja penyelenggaraan infrastruktur awam dan pembangunan infrastruktur asas terutamanya di kawasan luar bandar bagi menjamin kemudahan yang disediakan adalah mencukupi dan berada di tahap yang terbaik. Program PIA dan PIAS adalah merupakan keazaman Kerajaan untuk memantapkan pembangunan sosioekonomi secara inklusif setelah menyelami kehendak dan permasalahan sehingga ke peringkat akar umbi agar kesulitan rakyat dapat diatasi dengan pantas dan berkesan. Di samping itu, Program PIA dan PIAS juga dapat menepis tanggapan bahawa Kerajaan hanya berminat menumpukan kepada projek berskala besar sahaja tanpa mengendahkan kontraktor kecil.

Garis Panduan Pelaksanaan Program PIA Dan PIAS

3. Garis panduan pelaksanaan Program PIA dan PIAS yang ditetapkan melalui SPP Bilangan 9 Tahun 2011 telah dikemas kini sejajar dengan keperluan semasa dan teguran yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara seperti mana garis panduan yang terkandung dalam **Lampiran 1.** Dengan ini semua agensi pelaksana Program PIA dan PIAS adalah dikehendaki mematuhi sepenuhnya garis panduan yang ditetapkan mengikut SPP ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan sewajarnya akan diambil dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan surcaj.

4. Adalah diingatkan bahawa agensi pelaksana Program PIA dan PIAS adalah bertanggungjawab untuk menyimpan dan menyelenggara rekod pelaksanaan projek dengan baik, mengagihkan projek secara adil, membuat kajian pasaran dan membuat perancangan awal pelaksanaan projek bagi memastikan projek disiapkan dan bayaran dapat diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.

Hal-Hal Lain

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai SPP ini, keterangan lanjut atau aduan bolehlah dirujuk terus kepada:

i. Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3 Timur, Bangunan Perdana Putra
62502 PUTRAJAYA

No. Tel : 03-8888 3740
No. Faks : 03-8888 3571

ii. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Kawalan Dan Pemantauan
Aras 4, Blok Selatan
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
62592 PUTRAJAYA

No. Tel : 03-8882 3666
No. Faks : 03-8882 3869

Kuat Kuasa

6. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya ditandatangani.

Pembatalan

7. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bilangan 11 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

Pengecualian

8. Pengecualian daripada mana-mana peraturan kewangan yang ditetapkan di dalam SPP ini hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu dan perlu dikemukakan melalui ICU JPM selaras dengan tanggungjawab ICU JPM untuk memantau keseluruhan pelaksanaan Program PIA dan PIAS.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

19 Disember 2011

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara
Ketua Pengarah UPE
Ketua Pengarah JKR
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Lampiran 1 kepada SPP Bilangan 9 Tahun 2011

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PROJEK PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM DAN PROJEK INFRASTRUKTUR ASAS

1. TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan mengenai garis panduan pelaksanaan Program Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) yang dibiayai melalui Peruntukan Khas Kementerian Kewangan dan dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

2. SKOP PROJEK

2.1 Skop projek Program PIA dan PIAS adalah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

3. KELAYAKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN KHAS PROGRAM PIA

3.1 Kelayakan menggunakan peruntukan khas Program PIA adalah seperti berikut:

i. Penyelenggaraan dan naik taraf terhad kepada infrastruktur dan kemudahan awam Kerajaan termasuk yang tidak mempunyai peruntukan penyelenggaraan tahunan;

ii. Pengagihan peruntukan adalah untuk infrastruktur dan kemudahan awam Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan

iii. Penyelenggaraan dan naik taraf ini tidak dibenarkan bagi projek-projek yang masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan (*defect liability period*) serta bangunan yang terlalu uzur dan tidak ekonomik atau selamat untuk dibaiki dan diselenggarakan.

4. KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

4.1 Projek yang boleh dibiayai di bawah Program PIA dan PIAS hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:

PIA	PIAS
i. Skop kerja seperti di **Lampiran A**. ii. Had nilai projek hendaklah tidak melebihi RM200,000. iii. Projek dapat disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi 3 bulan.	i. Skop kerja seperti di **Lampiran A**. Keutamaan adalah untuk projek-projek infrastruktur asas di kawasan luar bandar. ii. Had nilai projek hendaklah tidak melebihi RM500,000. iii. Projek pembinaan jambatan kecil hendaklah menggunakan pelan yang disahkan/dipersetujui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ataumana-mana Jawatankuasa Teknikal di peringkat ICU JPM.

5. KRITERIA PEMILIHAN KONTRAKTOR

5.1 Dalam memilih kontraktor, kriteria yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

i. Kontraktor mempunyai pendaftaran yang masih berkuat kuasa seperti berikut:

a. Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Kelas F dan Gred G1 di Semenanjung Malaysia atau berdaftar dengan PUKONSA/UPK dalam Kelas F atau Kelas E Bumiputera untuk Program PIA; dan

b. Berdaftar dengan PKK atau CIDB/PUKONSA/UPK dalam Kelas F atau Kelas E Bumiputera untuk Program PIAS;

ii. Kontraktor hendaklah mempunyai keupayaan untuk melaksanakan projek dari segi pekerja, kemahiran teknikal dan kemudahan peralatan kerja; dan

iii. Pemilik sijil pendaftaran adalah bergiat sepenuh masa sebagai kontraktor.

6. KAEDAH, HAD KUASA DAN PIHAK BERKUASA MELULUSKAN PEROLEHAN

6.1 Kaedah, had kuasa dan Pihak Berkuasa Meluluskan (PBM) perolehan Program PIA dan PIAS adalah ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Kuasa	Pihak Berkuasa Meluluskan
i.	Lantikan Terus	Projek yang bernilai tidak melebihi RM20,000.	Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri
ii.	Pemberian terus secara gotong-royong	Projek yang bernilai tidak melebihi RM100,000. Kaedah pelaksanaan seperti mana yang ditetapkan oleh SPP Bil. 4 Tahun 2004	ICU JPM
iii.	Undian	Projek yang bernilai melebihi RM20,000 sehingga RM200,000 berdasarkan Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan. Projek yang bernilai melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 berdasarkan Jadual Kadar Elektrik.	Jawatankuasa Perolehan Projek
iv.	Sebut Harga	Projek yang bernilai melebihi RM20,000 sehingga RM500,000 dan tidak tersenarai di dalam Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan dan Jadual Kadar Elektrik. Projek yang bernilai melebihi RM200,000 sehingga RM500,000. Projek yang skop kerjanya tidak tersenarai di dalam Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan serta Jadual Kadar Elektrik dan nilainya melebihi 30% daripada anggaran kos asal.	Jawatankuasa Perolehan Projek

7. SYARAT-SYARAT PEROLEHAN

7.1 Dalam membuat keputusan, PBM hendaklah memastikan semua peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan syarat-syarat berikut dipatuhi:

i. Pelantikan kontraktor hendaklah di kalangan kontraktor tempatan. Kontraktor tempatan bermaksud, kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan PKK atau CIDB/PUKONSA/UPK dan berpejabat di daerah di mana projek akan dilaksanakan;

ii. Projek hendaklah diagihkan sama rata di kalangan kontraktor dalam daerah yang sama;

iii. Bagi projek di mana kontraktor Kelas F tempatan kurang atau tiada, kontraktor Kelas F di daerah berhampiran boleh ditawarkan;

iv. Bagi skop projek yang tersenarai di dalam Jadual Kadar Harga (JKH),JKR, penentuan harga tawaran projek hendaklah berpandukan kepada JKH,JKR semasa yang berkuat kuasa dan bagi skop projek yang tidak tersenarai di dalam JKH,JKR penentuan harga tawaran hendaklah berpandukan kepada kajian pasaran semasa;

v. Penyelenggaraan dan naik taraf bagi kerja pakar untuk Program PIA seperti kerja elektrik, *waterproofing* dan sistem kumbahan hendaklah dipilih di kalangan kontraktor yang berdaftar di bawah kepala dan sub kepala yang berkenaan;

vi. Bagi Program PIA dan PIAS di Sabah dan Sarawak, kontraktor Bumiputera Kelas E boleh dilantik untuk melaksanakan projek yang bernilai kurang daripada RM200,000 tertakluk kepada syarat berikut:

   a. Sekiranya kontraktor Kelas F tempatan kurang atau tiada dan kontraktor Kelas F tempatan di daerah berhampiran juga kurang atau tiada; dan

   b. Mematuhi kaedah, had kuasa dan PBM seperti mana yang ditetapkan di perenggan 6;

vii. Kontraktor hanya boleh mendapat satu projek sahaja dalam sesuatu masa;

viii. Bagi kerja-kerja elektrik bernilai RM50,000 ke bawah, keutamaan undian hendaklah dimulakan di kalangan kontraktor Bumiputera tempatan Kelas IV dan III terlebih dahulu. Kontraktor Bumiputera tempatan Kelas II dan I hanya dibenarkan sekiranya semua kontraktor Kelas IV dan III di daerah berkenaan telah pun memperolehi kerja-kerja elektrik. Kontraktor Bumiputera tempatan Kelas II dan I yang telah memperolehi kerja elektrik di dalam projek Program PIA dan PIAS tidak dibenarkan melaksanakan kerja elektrik bernilai RM50,000 ke bawah melainkan undian bagi pusingan kedua untuk kerja-kerja elektrik telah pun diperolehi oleh kontraktor Bumiputera tempatan Kelas IV dan III; dan

ix. Keputusan kontraktor yang berjaya hendaklah dipamerkan. Ini termasuk nama kontraktor, nama projek, kos projek dan maklumat projek dan tempoh pelaksanaan.

8. JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM PIA DAN PIAS

8.1 Bagi melaksanakan Program PIA dan PIAS, agensi hendaklah menubuhkan dua jawatankuasa seperti berikut:

i. **Jawatankuasa Pemilihan Projek Dan Kontraktor (JPPK)**

JPPK bertanggungjawab untuk memilih projek yang akan dilaksanakan berasaskan kriteria di perenggan 2, 3 dan 4 serta membuat penilaian dan tapisan terperinci ke atas setiap kontraktor bagi memastikan hanya kontraktor yang benar-benar layak dan memenuhi kriteria yang di perenggan 5 diperakukan untuk pertimbangan dan kelulusan ICU JPM.

Keahlian JPPK adalah seperti yang berikut:

Pengerusi	:	Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri mengikut mana yang berkenaan.
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri mengikut mana yang berkenaan.
Ahli-ahli	:	a. Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/ Residen/ Pegawai Kemajuan Zon/ Pegawai Pembangunan Jajahan/Presiden mengikut mana yang berkenaan atau wakilnya.
	:	b. Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri/Pengarah Unit Teknikal Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP)/Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) bagi Negeri Kelantan, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor mengikut mana yang berkenaan atau wakilnya.

ii. **Jawatankuasa Perolehan Projek (JKPP)**

JKPP bertanggungjawab meluluskan perolehan Program PIA dan PIAS seperti mana yang ditetapkan di perenggan 6.

Keahlian JKPP adalah seperti yang berikut:

Pengerusi	:	Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri mengikut mana yang berkenaan.
Pengerusi Ganti	:	a. Timbalan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri mengikut mana yang berkenaan.

b. Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/ Residen/Pegawai Kemajuan Zon/Pegawai Pembangunan Jajahan/Presiden mengikut mana yang berkenaan atau wakilnya sekiranya Timbalan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri tidak dapat mempengerusikan mesyuarat.

Ahli-ahli : a. Wakil Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri (Sekiranya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah/ Pegawai Jajahan/Residen Pegawai Kemajuan Zon/Pegawai Pembangunan Jajahan/Presiden).

b. Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/ Residen/ Pegawai Kemajuan Zon/Pegawai Pembangunan Jajahan/Presiden mengikut mana yang berkenaan atau wakilnya (Sekiranya dipengerusikan oleh Pengarah/Timbalan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri).

c. Pengarah JKR Negeri/ Pengarah Unit Teknikal JPP/PPN bagi Negeri Kelantan, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor mengikut mana yang berkenaan atau wakilnya.

d. Seorang pegawai awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu JKPP membuat keputusan.

8.2 Syarat-syarat am yang perlu dipatuhi oleh Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK) dan Jawatankuasa Perolehan Projek (JKPP) adalah seperti berikut:

i. Kuorum bagi JPPK dan JKPP hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Kehadiran wakil JKR/Pengarah Unit Teknikal JPP/PPN bagi Negeri Kelantan, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor mengikut mana yang berkenaan adalah diwajibkan bagi JKPP;

ii. JPPK dan JKPP hendaklah bermesyuarat untuk memilih dan menentukan projek dan kontraktor. Pertimbangan secara edaran adalah tidak dibenarkan. Keputusan JPPK dan JKPP hendaklah sebulat suara;

iii. Ahli-ahli JPPK dan JKPP yang mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai sesuatu perolehan hendaklah mengisytiharkan kepentingannya dan menarik diri daripada mesyuarat tersebut dan perkara ini hendaklah diminitkan; dan

iv. Perbincangan dan keputusan JPPK dan JKPP hendaklah dicatatkan dalam minit dan ditandatangani oleh pengerusi dan ahli JPPK dan JKPP. Asas-asas pemilihan hendaklah dicatatkan dengan jelas.

9. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

9.1 Dalam melaksanakan Program PIA dan PIAS, kontraktor yang telah dilantik bertanggungjawab mematuhi syarat-syarat berikut:

i. Kontraktor dikehendaki untuk membuat akuan rasmi bahawa pihaknya tidak akan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor lain atau menyerah hak apa-apa faedah di bawah Inden tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri. Tindakan penamatan kontrak dan pembatalan pendaftaran akan diambil ke atas kontraktor yang melanggar peraturan ini. Syarat ini hendaklah dinyatakan dalam surat tawaran;

ii. Kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh Inden dikeluarkan. Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden boleh dibatalkan oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor;

iii. Kontraktor hendaklah membuat pemeriksaan tapak bina. Kontraktor adalah disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejas kos projek. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan;

iv. Kontraktor perlu memastikan kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Surat Tawaran/Ringkasan Sebut Harga dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran/Dokumen Sebut Harga dan arahan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri atau Wakilnya;

v. Kontraktor bertanggungjawab memastikan kerja elektrik yang dilaksanakan di samping mematuhi kehendak di perenggan 9.1(iv) di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh agensi seperti berikut:

a. Suruhanjaya Tenaga;

b. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan;

c. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik;

d. Jabatan Bomba dan Penyelamat; dan

e. Pihak Berkuasa Tempatan;

vi. Kontraktor bertanggungjawab atas nama bersama Kerajaan dan kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja bagi tempoh pelaksanaan kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan.

vii. Kontraktor hendaklah memastikan pekerjanya mempunyai perlindungan di bawah PERKESO (warganegara/penduduk tetap) atau perlindungan insuran Workmen's Compensation (pekerja asing) dengan mengemukakan salinan Nombor Kod Pendaftaran PERKESO atau perlindungan insuran yang mana berkaitan kepada Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri sebelum memulakan kerja. Walau bagaimanapun, bagi tujuan memulakan kerja sahaja Nota Perlindungan dan resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri berhak mengambil tindakan sewajarnya;

viii. Kontraktor hendaklah menyediakan papan tanda di tapak projek dengan kos tidak melebihi RM300 di Semenanjung dan RM400 di Sabah/Sarawak/Labuan yang mengandungi maklumat seperti di **Lampiran B** bagi Program PIA dan **Lampiran C** bagi Program PIAS;

ix. Kontraktor dikehendaki menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan kontraktor menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan dan kegagalan memenuhi tanggungan kecacatan akan menjejaskan peluang kontraktor untuk mendapat projek Kerajaan di masa hadapan; dan

x. Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat berkenaan.

xi. Kontraktor hendaklah mengambil gambar sebelum, semasa dan selepas projek dilaksanakan.

10. KAEDAH BAYARAN

10.1 Kontraktor hendaklah dibayar dalam tempoh 14 hari setelah projek disahkan siap sepenuhnya oleh pihak teknikal tertakluk kepada dokumen lengkap diterima oleh Pejabat Pembayar.

10.2 Bagi memastikan peruntukan dibelanjakan dengan segera dan untuk membantu aliran wang tunai kontraktor, bayaran boleh dibuat seperti berikut:

i. projek yang telah mencapai kemajuan kerja melebihi 50% hingga 70% dibayar mengikut peratusan siap kerja;

ii. pengesahan tahap peratusan kemajuan kerja dibuat oleh kontraktor sendiri; dan

iii. mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek selepas menerima bayaran kemajuan akan disenaraihitamkan.

10.3 Bagi kaedah bayaran di para 10.2 (i) di atas, tuntutan oleh kontraktor perlu dikemukakan terus ke Pejabat Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Negeri dengan mengemukakan borang Laporan Tahap Kemajuan Kerja dan Sijil Aku Janji seperti di **Lampiran D** dan **Lampiran E**.

10.4 Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri hendaklah memastikan bahawa semua bayaran hendaklah diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.

11. BON PELAKSANAAN

11.1 Bon Pelaksanaan adalah dikecualikan untuk projek di bawah Program PIA dan PIAS.

12. BAYARAN MEMULAKAN KERJA

12.1 Kontraktor yang layak menerima kemudahan Bayaran Memulakan Kerja (BMK) adalah seperti berikut:

i. Kontraktor kelas F; dan

ii. Kontraktor kelas E yang melaksanakan projek dengan tempoh siap projek tidak melebihi tiga (3) bulan.

12.2 Kontraktor boleh diberi BMK sehingga 10% daripada nilai Inden kerja/projek atau maksimum RM20,000 mengikut mana yang lebih rendah.

12.3 Bagi mendapat kemudahan BMK tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:

i. Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan BMK pada peringkat awal iaitu semasa Inden kerja dikeluarkan atau semasa mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah ditandatanganinya kepada Agensi; dan

ii. Kontraktor telah mengemukakan Nota-nota Liputan dan resit-resit premium yang telah dibayar bagi tujuan polisi insurans.

12.4 Kontraktor adalah dikecualikan daripada mengemukakan jaminan untuk mendapatkan kemudahan BMK.

12.5 Bayaran balik bagi BMK hendaklah dipastikan dibuat seperti berikut:-

i. Bayaran balik bagi BMK untuk projek dengan tempoh siap kurang daripada satu (1) bulan hendaklah dibuat dengan menolak amaun tersebut daripada bayaran yang layak dibayar kepada kontraktor semasa menyediakan perakuan bayaran.

ii. Bayaran balik bagi BMK untuk projek dengan tempoh siap melebihi satu (1) bulan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat projek siap. Potongan hendaklah selesai dibuat selewat-lewatnya semasa projek siap pada tahap 75%. Sehubungan itu, kontraktor yang melaksanakan projek dengan tempoh siap projek melebihi satu (1) bulan hendaklah diberi bayaran interim/kemajuan sehingga projek siap.

12.6 Tindakan yang perlu diambil atas kontraktor yang gagal membayar balik BMK adalah seperti berikut:

i. Menuntut bayaran dengan menolak jumlah tersebut daripada apa-apa bayaran yang layak diterima oleh kontraktor berkenaan daripada kontrak lain dengan Kerajaan;

ii. Membuat tuntutan sivil jika tindakan di atas tidak berhasil atau tidak dapat dilakukan; dan

iii. Melaporkan dengan segera sebarang kes kegagalan kontraktor membayar balik Bayaran Memulakan Kerja kepada PKK/PUKONSA/UPK serta CIDB untuk tindakan tatatertib. Sesalinan laporan tersebut turut dikemukakan ke ICU JPM dan Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan.

13. BAYARAN PENDAHULUAN

13.1 Kontraktor kelas E yang melaksanakan projek dengan tempoh siap projek melebihi tiga (3) bulan boleh memohon untuk kemudahan Bayaran Pendahuluan seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan tidak dibenarkan memohon kemudahan Bayaran Memulakan Kerja.

14. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

14.1 Tempoh tanggungan kecacatan bagi Program PIA dan PIAS hendaklah dinyatakan dalam surat tawaran seperti berikut:

Nilai Projek	Tempoh Tanggungan Kecacatan
Sehingga RM100 ribu	6 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap
Melebihi RM100 ribu	12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap

14.2 Kontraktor bertanggungjawab untuk membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati spesifikasi yang telah ditetapkan apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dalam masa yang ditetapkan atas kos kontraktor sendiri.

15. PELANJUTAN TEMPOH SIAP KERJA (EOT)

15.1 Pelanjutan tempoh siap kerja boleh dibenarkan dengan kelulusan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri/mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri tertakluk kepada syarat-syarat di dalam surat tawaran.

16. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA

16.1 Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi. Bahan, barang dan kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

16.2 Kontraktor hendaklah menjalankan ujian yang diperlukan bagi menjamin kualiti dan mutu hasil kerja ke atas sesuatu projek.

16.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri/mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri.

17. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR

17.1 Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri/mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri berhak membatalkan Inden sekiranya kontraktor yang telah diberi surat amaran, berada dalam keadaan berikut:

i. Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

ii. Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa sebab yang munasabah;

iii. Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja tanpa sebab yang munasabah;

iv. Tidak mematuhi arahan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri tanpa alasan yang munasabah; dan

v. Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

18. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP KERJA

18.1 Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

19. PERAKUAN SIAP KERJA

19.1 Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri/mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah bermula daripada tarikh siap kerja.

20. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

20.1 Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri/mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan atau apa-apa jua kerosakan lain selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan.

21. PENGGUNAAN TANAH INDIVIDU BAGI TUJUAN MEMBINA PROJEK KECIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

21.1 Penggunaan Surat Kebenaran bagi projek yang melibatkan tanah individu adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat dan format seperti **Lampiran F**.

22. *INTEGRITY PACT*

22.1 Perolehan Program PIA dan PIAS perlulah mematuhi peraturan ditetapkan oleh SPP Bilangan 10 Tahun 2010 iaitu Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan.

23. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

23.1 ICU JPM akan memantau keseluruhan pelaksanaan Program PIA dan PIAS. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri dan Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen/Pegawai Kemajuan Zon/Pegawai Pembangunan Jajahan/Presiden mengikut mana yang berkenaan bertanggungjawab memantau projek di bawah Program PIA dan PIAS yang dilaksanakan di peringkat negeri/daerah masing-masing.

23.2 Fail khusus yang mengandungi dokumen mengenai pelaksanaan projek hendaklah diwujudkan di peringkat pejabat pelaksana bagi urusan pemeriksaan oleh agensi pusat. Gambar yang menunjukkan prestasi projek hendaklah diambil sebelum dan selepas projek dilaksanakan.

23.3 Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri dan Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen/Pegawai Kemajuan Zon/Pegawai Pembangunan Jajahan/Presiden mengikut mana yang berkenaan, adalah bertanggungjawab membuat pengawasan ke atas pelaksanaan projek. Sekiranya Pejabat Daerah Jajahan/Residen/Kemajuan Zon/Pembangunan Jajahan/Presiden tidak berkeupayaan membuat pengawasan, bantuan bolehlah diperolehi daripada Jabatan Teknik sama ada JKR atau JPS.

23.4 Laporan kemajuan pelaksanaan projek di peringkat daerah hendaklah disediakan oleh Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen/Pegawai Kemajuan Zon/Pegawai Pembangunan Jajahan/Presiden dan dikemukakan kepada Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri untuk penyelarasan. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kepada ICU JPM. Laporan yang telah diselaraskan oleh ICU JPM hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan pada setiap awal bulan.

23.5 Carta aliran pelaksanaan Program PIA dan PIAS adalah seperti di **Lampiran G.**

Bahagian Kawalan Dan Pemantauan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
Disember 2011

LAMPIRAN A

1. SKOP PROJEK PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM (PIA)

Peruntukan khas ini boleh digunakan untuk penyelenggaraan dan naiktaraf bagi kerja-kerja seperti berikut:

i. Kerja-kerja mengecat bangunan, peralatan dan lain-lain kemudahan;

ii. Penyelenggaraan pagar, pondok kawalan dan pintu keluar masuk kawasan;

iii. Penyelenggaraan lantai, dinding dalam dan luar bangunan;

iv. Penyelenggaraan bumbung, atap, saluran air hujan dan sistem kalis air;

v. Penyelenggaraan tandas, sistem paip air, sistem kumbahan dan pembetungan;

vi. Membaiki/pendawaian semula elektrik tidak termasuk kerja-kerja penyaman udara;

vii. Penyelenggaraan longkang dan sistem perparitan dalam kawasan;

viii. Penyelenggaraan jalan dan tebing dalam kawasan;

ix. Penyelenggaraan landskap yang sedia ada yang bersesuaian;

x. Lain-lain skop kerja penyelenggaraan yang mendapat kelulusan ICU JPM; dan

xi. Pembinaan baru jika kerja-kerja penyelenggaraan adalah tidak ekonomik atau tidak dapat dilaksanakan atas sebab munasabah yang diluluskan oleh ICU JPM.

xii. Melaksanakan kerja-kerja lain atau bukan selenggara yang diluluskan oleh ICU JPM.

2. SKOP PROJEK INFRASTRUKTUR ASAS (PIAS)

Peruntukan khas ini boleh digunakan untuk membina baru, membaiki, menyelenggara dan menaiktaraf projek-projek infrastruktur asas bagi kegunaan orang awam. Skop projek antaranya adalah seperti berikut:

i. Titi/jambatan kecil;

ii. *Culvert/gabion*;

iii. Jeti kecil;

iv. Parit/longkang;

v. Jalan kampung/jalan pertanian yang tidak berturap/berturap;

vi. Bangunan komuniti kecil;

vii. Pusat pemindahan banjir; dan

viii. Lain-lain skop kerja yang diluluskan oleh ICU JPM.

LAMPIRAN B

PAPAN TANDA
PROJEK PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM (PIA)



- **TULISAN : ARIAL**
- **WARNA PAPAN : BIRU GELAP**
- **WARNA TULISAN : PUTIH**
- **WARNA TIANG : HITAM**
- **BAHAN : BESI**

LAMPIRAN C

PAPAN TANDA
PROJEK INFRASTRUKTUR ASAS (PIAS)



- **TULISAN : ARIAL**
- **WARNA PAPAN : BIRU GELAP**
- **WARNA TULISAN : PUTIH**
- **WARNA TIANG : HITAM**
- **BAHAN : BESI**

LAMPIRAN D

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PERAKUAN TAHAP KEMAJUAN KERJA

1.	**Nama Projek**	**:**	**.....**
			.....
			.....
2.	**Nilai Projek**	**:**	**.....**
3.	**Tempoh Kerja**	**:**	**.....**
4.	**Tarikh Mula**	**:**	**.....**
5.	**Tarikh Siap**	**:**	**.....**
	(Nyatakan tarikh sebenar seperti dalam surat tawaran/inden)		

Saya mengesahkan bahawa tahap kemajuan kerja saya sehingga pada tarikh ..... adalah sebanyak .....%.

Nama	**:**	**.....**
No. Kad Pengenalan	**:**	**.....**
No. Sijil PKK	**:**	**.....**
Tandatangan	**:**	**.....**
Cop Syarikat	**:**	

LAMPIRAN E

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

SURAT AKU JANJI

1.	NamaProjek	:	.....
			.....
			.....
2.	Nilai Projek	:	.....
3.	Tempoh Kerja	:	.....
4.	Tarikh Mula	:	.....
5.	Tarikh Siap	:	.....

(Nyatakan tarikh sebenar seperti dalam surat tawaran/inden)

Saya bersetuju untuk melaksanakan projek seperti di atas mengikut spesifikasi dan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sekiranya saya gagal mematuhi syarat yang tersebut, saya bersetuju supaya Kerajaan Malaysia mengambil tindakan undang-undang atau tatatertib ke atas saya dan syarikat saya.

Nama	:	.....
No. Kad Pengenalan	:	.....
No. Sijil PKK	:	.....
Tandatangan	:	.....
Cop Syarikat	:	

LAMPIRAN F

SURAT KEBENARAN PENGGUNAAN TANAH MILIK INDIVIDU BAGI TUJUAN MEMBINA PROJEK KECIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. Saya/Kami ..... No. Kad pengenalan ..... beralamat di ..... merupakan pemilik berdaftar tanah/plot tanah ..... (No. Suratan Hakmilik), Mukim ..... Daerah ..... Negeri..... ("Tanah/Plot") seperti salinan geran yang dilampirkan. [**Lampiran F(i)**]

2. Saya/Kami dengan ini membenarkan pihak Kerajaan yang diwakili oleh ..... (Nama Kementerian/Jabatan) atau wakil yang dilantik oleh pihak Kerajaan untuk membina/menaik taraf struktur ..... (Nama Projek) di atas tanah/plot seperti yang ditanda di dalam pelan lokasi / pelan kasar yang dilampirkan. [**Lampiran F2(ii)**] ("Kebenaran").

3. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Kebenaran ini terpakai bagi tempoh ..... tahun iaitu dari ..... (Tarikh) hingga ..... (Tarikh) berdasarkan kepada perkiraan yang ditentukan dengan Kerajaan ("Tempoh Kebenaran") dan bersetuju untuk tidak membatalkan Kebenaran ini dengan apa-apa cara sekalipun melainkan dengan persetujuan Kerajaan.

4. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Saya/Kami tidak mempunyai apa-apa hak ke atas Tanah/Plot tersebut atau bahagiannya di mana struktur ..... (nama Projek) dibina oleh Kerajaan sepanjang Tempoh Kebenaran.

5. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Saya/Kami tidak mempunyai apa-apa hak ke atas struktur yang dibina oleh Kerajaan dalam melaksanakan Projek di atas Tanah/Plot tersebut sepanjang Tempoh Kebenaran.

6. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kemalangan, musibah atau masalah yang timbul kesan daripada penggunaan struktur yang dibina.

7. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa atas permintaan bertulis daripada Kerajaan yang dibuat tidak kurang daripada tiga (3) bulan sebelum tamat Tempoh Persetujuan, akan melanjutkan Tempoh Persetujuan tersebut selama suatu tempoh yang akan dipersetujui bersama. Pelanjutan tempoh ini tidak akan melibatkan sebarang balasan dan terma dan syarat lain dalam Surat Persetujuan ini akan terus terpakai melainkan persetujuan dicapai sebaliknya oleh Kerajaan dan Saya/Kami.

8. Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk tidak menerima apa-apa balasan di atas Kebenaran ini yang mana ia dibuat berdasarkan prinsip tanggungjawab sosial dan sumbangan untuk masyarakat dan kepentingan awam.

9. Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk tidak menuntut sebarang balasan, ganti rugi, faedah atau bayaran di atas penggunaan struktur..... (sila isi) yang telah siap ini di masa hadapan.

10. Saya/Kami dengan ini membenarkan mana-mana pihak ketiga yang dipilih dan dilantik oleh Kerajaan untuk mengurus, mengendali dan menggunakan struktur ..... (sila isi) selagi mana ia tidak bertentangan dengan undang-undang.

11. Saya/Kami dengan ini membenarkan Kerajaan pada bila-bila masa dalam Tempoh Kebenaran atau selepas tamatnya Tempoh Kebenaran ini, mengambil mesin, peralatan, kelengkapan atau apa-apa barang lain yang boleh dipindahkan tanpa sebarang kerosakan kepada Tanah/Plot tersebut di mana struktur yang padanya ditempatkan oleh Kerajaan di atas Tanah/Plot tersebut dan Kerajaan akan menanggung kos pemindahan tersebut.

12. Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk membayar segala cukai tanah, kadaran, cukai taksiran pada masa sekarang dan akan datang dan lain-lain bayaran yang sedang atau mungkin selepas daripada Kebenaran ini dikenakan atau dipertanggungkan ke atas Tanah/Plot Saya/Kami.

13. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Kebenaran ini hendaklah mengikat ejen-ejen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, penerima pindah milik, pengganti-pengganti Saya/Kami seterusnya.

Bertarikh.....

Tandatangan Pemilik Tanah Berdaftar: Cop Ibu Jari Pemilik Berdaftar:

.....
Nama:
No. K/P:

*(jika tedapat dua atau lebih pemilik berdaftar, sila sediakan ruang tandatangan/cop ibu jari yang bersesuaian mengikut jumlah pemilik berdaftar)

***Disaksikan oleh,**
Tandatangan Saksi: Cop Ibu Jari Saksi:

.....
Nama:
No. K/P:
Cop Rasmi Jawatan:

* Pegawai Kemajuan Negeri/Pegawai Daerah/Ketua Penolong Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah/Pegawai Kemajuan Daerah/Penolong Pegawai Kemajuan Daerah

LAMPIRAN F(i)

[salinan dokumen hakmilik tanah]

LAMPIRAN F(ii)

[pelan *lay out* – Plot tanah yang dimaksudkan]

LAMPIRAN G

CARTA ALIRAN
TATACARA PEROLEHAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM PIA DAN PIAS